

Tindakan MCA uji

BH 14 DEC 2002

Oleh Fazi Abdullah
dan Nurul Hazren
Masitom

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sebarang tindakan oleh MCA terhadap dua Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang berhubung isu keengganan menolak usul pembangkang akan membuktikan sama ada parti itu mendokong semangat dan prinsip Barisan Nasional (BN) atau se-

baliknya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia kerana perbuatan dua ahli MCA itu adalah pelanggaran disiplin serta bercanggah dengan amalan dan prinsip BN.

Sehubungan itu, katanya, MCA perlu memahaminya dengan mengenalkan tindakan tegas berseesuaian amalan dan prinsip yang diamalkan komponen BN selama ini.

"Maknanya, kita mem-

beri peluang kepada MCA menunjukkan bahawa mereka menyokong semangat dan prinsip BN. Saya percaya MCA patut tahu apa yang mereka patut lakukan berdasarkan semangat dan prinsip itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak pembuatan sayap pesawat Airbus 380 di antara Composites Technology Research Malaysia (CTRM) dan

BAE Systems Aerostructures, di sini hari ini.

Najib mengulas kontroversi tindakan terhadap dua Adun MCA, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) yang enggan mengundi menolak usul pembangkang di Dewan Undangan Negeri pada 21 November lalu supaya projek Jalan Lingkar Luar Pulau Pinang (PORR) ditangguhkan.

Najib juga berkata, beliau tidak nampak seba-

setiakawan BN

rang masalah berhubung isu berkenaan walaupun MCA membuat kenyataan yang tidak selari dengan semangat BN.

Malah, beliau percaya MCA faham betapa seriusnya isu berkenaan serta sudah mengambil kira pandangan Dr Mahathir berhubung perkara berkenaan.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, MCA seharusnya bertindak bijak memastikan kesepakatan

parti komponen dalam BN dikekalkan.

Beliau berkata, MCA sepatutnya mengambil tindakan segera terhadap dua Adun berkenaan serta memikirkan sama ada mahu kekal sebagai parti memerintah atau sebaliknya kerana ia membabitkan masalah disiplin ahli.

"Tidak ada dua jalan untuk membuat keputusan. MCA perlu membuat keputusan untuk menangani kemelut ini kerana apa akan

jadi kepada parti lain jika perkara ini berlaku lagi.

"Masalah dalaman MCA turut mempengaruhi reputasi dan imej parti komponen lain, terutama Gerakan. Saya berharap mereka segera mencapai kata putus dalam hal ini," katanya.

Dr Lim yang menyuarakan rasa gerun terhadap tindakan MCA, berkata sebagai parti yang bertanggungjawab serta mahu berkongsi kekuatan dengan BN sebagai parti memerin-

tah, mereka perlu berbuat sesuatu demi kebaikan parti komponen lain.

"Mereka perlu fikir kenapa rakyat tidak memilih Barisan Alternatif (BA) tetapi BN kerana kesepakatan yang ada antara semua parti komponen.

"Sekiranya, tiada tindakan tegas terhadap kedua-dua Adun itu, ia akan menjejaskan gabungan erat antara parti kerana tidak menunjukkan disiplin yang baik," katanya.